

PM sasar pengurus dana dunia

'Malaysian Global Roadshow' ke London, New York promosi pasaran modal

Oleh Hishamuddin Aun

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memulakan pelan agresif minggu depan bagi memperhebatkan promosi Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat dan produktif untuk menanam modal.

Perdana Menteri akan mengetuai satu delegasi yang turut disertai tokoh korporat tempatan menerusi satu siri jelajah di London pada 12 September dan New York, keesokannya.

Kumpulan sasar utama rombongan berkenaan, menerusi jelajah yang dinamakan 'Malaysian Global Roadshow' itu ialah sebilangan pengurus dana paling berpengaruh di dunia.

Abdullah akan membawa bersamanya cerita kejayaan Malaysia yang mungkin masih kurang diperjelaskan di luar negara - perihal sebuah negara yang memiliki pertahanan padu terhadap sebarang bentuk kegawatan ekonomi.

Ia turut berkisar kepada penonjolan Malaysia sebagai negara yang boleh bergantung kepada minyak dan gas serta minyak sawit apabila sektor pembuatan dan perkhidmatan menunjukkan tanda-tanda mengalami kelembapan.

Turut serta dalam delegasi itu ialah Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, Datuk Azman Mokhtar; Pengarah Urusan YTL Corporation Berhad, Tan Sri Dr Francis Yeoh; pemilik Usaha Tegas Sdn Bhd, Tan Sri Ananda Krishnan; Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Genting, Tan Sri Lim Kok Thay; Ketua Eksekutif Commerce International Merchant Bankers (CIMB), Datuk Nazir Razak; Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby, Datuk Ahmad Zubir Murshid; Ketua Eksekutif Kumpulan

AirAsia Bhd, Datuk Tony Fernandes dan Naib Presiden Petronas, George Ratilal.

Sasaran mereka, menerusi ikhtiar ECM Libra dan Merrill Lynch itu ialah 40 pengurus dana di London dan New York yang mewakili sebahagian daripada syarikat pelaburan utama dunia.

Sejak mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003, Abdullah sudah melakukan lawatan ke beberapa negara dan menemui pengurus dana untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) bagi sektor tertentu.

Kini, Perdana Menteri berasa masyanya sudah tiba untuk memperhebatkan promosi pasaran modal Malaysia atas beberapa sebab.

Selepas hampir dua tahun mene-

raju kerajaan, Abdullah percaya beliau berupaya menambat kepercayaan menerusi perubahan sektor awam, termasuk transformasi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk memperkukuh seruannya kepada pengurus dana asing supaya mengalihkan tumpuan ke Malaysia.

Pada 29 Julai lalu, Abdullah melancarkan program Transformasi GLC Sebagai Pemangkin Kemajuan Pembangunan Malaysia sebagai sebahagian usaha kerajaan memajukan Pembangunan serta memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Ketika ini, GLC membentuk 36 peratus daripada pasaran permodalan di Bursa Malaysia atau lima peratus daripada keluaran negara dengan

memberi pekerjaan kepada kira-kira 400,000 orang.

Selain itu, dengan tambatan ringgit dimansuhkan, pengurus dana asing dilihat lebih mudah untuk menanam modal di negara ini. Pada masa lalu, mereka sering menjadikan tambatan berkenaan sebagai halangan.

Kunjungan Abdullah juga dilakukan ketika beberapa negara jiran memperhebatkan promosi pasaran modal mereka.

Siri jelajah itu juga sebagai usaha memperjelaskan kepada pengurus dana asing bahawa Malaysia bukan sekadar sebuah negara yang memiliki kestabilan politik, tetapi kaya dengan sumber asli.

"Kekukuhan ekonomi Malaysia bukanlah cerita yang lazim diperdegarakan. Malaysia terbina seperti sebuah Boeing 747. Jika satu enjinnya mengalami masalah, ia masih berupaya meneruskan penerbangan dengan lancar," kata satu sumber.

Tokoh korporat yang menyertai rombongan Perdana Menteri akan turut memainkan peranan mereka.

Antara isu yang bakal disentuh ialah pembaharuan untuk menjadikan GLC lebih telus dan bersifat serantau, potensi sektor peruncitan di negara ini dan bagaimana rakyat Malaysia memartabatkan sesetengah syarikat tempatan sebagai bertaraf dunia.